



PEJABAT TENAGA KERJA KLUANG
JALAN PEJABAT KERAJAAN
86000 KLUANG
JOHOR

Telefon : 07-7721646
Telekerja : 07-7737111
e-mail :
jtkdkluang@mohr.gov.my

Rujukan Kami : KBR/10103/2024/0017
Tarikh : 08 September 2024

GISB HOLDINGS SDN BHD
51 G,
JALAN DESA 9/6
BANDAR COUNTRY HOMES
48000 RAWANG
SELANGOR

BY HAND

Tuan,

KES SAMAN KETUA PENGARAH TENAGA KERJA NO : KBR/10103/2024/0017
ANTARA PENGADU : N
TERHADAP DEFENDAN : GISB HOLDINGS SDN BHD

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Bersama-sama ini disertakan perintah untuk makluman dan tindakan tuan. Sila tuan kemukakan bayaran secara bank draf/ kiriman wang pos sebanyak **RM23,100.00** di pejabat ini atas nama pengadu melalui Penolong Pengarah Tenaga Kerja Kanan Kluang dengan kadar segera.
3. Mana-mana pihak yang tidak berpuashati dengan perintah yang dibuat boleh mengemukakan rayuan ke Mahkamah Tinggi dalam tempoh 14 hari dari tarikh perintah dikeluarkan dengan mengemukakan 7 salinan notis rayuan (Borang 111, Aturan 55 Kaedah-kaedah Mahkamah 2012) dan fi praecipe rayuan sebanyak **RM400.00** dibayar secara tunai/kiriman wang pos atau bank draf kepada Ketua Pengarah Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia.
4. Jika tiada apa-apa rayuan diterima dalam tempoh yang ditetapkan dan tuan gagal mematuhi perintah, tindakan **PENDAKWAAN** ke atas pihak tuan akan dijalankan sebagaimana seksyen 69(4) Akta Kerja 1955 dan apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit; dan juga, dalam hal kesalahan berterusan, boleh dikenakan denda harian tidak melebihi satu ribu ringgit setiap hari kesalahan itu berterusan selepas sabitan.
5. Sekiranya bayaran perintah tersebut dibuat secara terus kepada pengadu, tuan adalah dikehendaki mengemukakan bukti bayaran ke pejabat ini secara serahan tangan atau email ke khalisah@mohr.gov.my untuk perhatian Pn. Khalisah Binti Mohamed @ Zawi.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"Pekerja Kesuma Bangsa"

Saya yang menjalankan amanah,

(KHALISAH BINTI MOHAMED @ ZAWI)
b.p Ketua Pejabat Tenaga Kerja Kluang

BORANG C

PERINTAH

(Di Bawah Seksyen 69 Akta Kerja 1955)

Kes Saman Ketua Pengarah Tenaga Kerja No : KBR/10103/2024/0017

ANTARA

PENGADU

DAN

GISB HOLDINGS SDN BHD

DEFENDAN

Bahawasanya pengaduan dalam kes buruh No.KBR/10103/2024/0017 di atas telah didengar dan diputuskan di Pejabat Tenaga Kerja Kluang pada 8 September 2024. Ketua Pengarah dengan ini membuat perintah yang berikut, bahawa :

Saya KHALISAH BINTI MOHAMED @ ZAWI dengan ini perintahkan GISB HOLDINGS SDN BHD, 51 G, , JALAN DESA 9/6 , BANDAR COUNTRY HOMES , 48000 RAWANG, SELANGOR membayar kepada Pengadu melalui Penolong Pengarah Tenaga Kerja Kanan Kluang bagi pihak [REDACTED] wang sebanyak RM23,100.00.

Pecahan jenis bayaran adalah seperti berikut:

Bil	Jenis Tuntutan	Jumlah Perintah
1	Baki Gaji : TAHUN 2020 (FEBRUARI - DISEMBER)	RM12,100.00
2	Baki Gaji : TAHUN 2021 (JANUARI - OKTOBER)	RM11,000.00
	Jumlah	RM23,100.00

Dan selanjutnya diperintahkan bahawa pembayaran hendaklah dibuat dalam tempoh 14 hari dari tarikh perintah ini.

Dan adalah diperintahkan lagi iaitu sebagai penalti bayaran lewat, faedah atas kadar 8% setahun hendaklah dikenakan keatas semua bayaran tertunggak dan faedah itu dikira mulai hari ke 31 sehingga penyelesaian penuh.

Bertarikh pada : 8 haribulan September 2024



KHALISAH BINTI MOHAMED @ ZAWI
KETUA PENGARAH TENAGA KERJA

Adalah dengan ini diperakui bahawa jumlah wang sebanyak RM sebagai penyelesaian penuh/sebahagian daripada perintah ini telah dibayar di Pejabat ini.

b.p. KHALISAH BINTI MOHAMED @ ZAWI
KETUA PENGARAH TENAGA KERJA

1

KES SAMAN KETUA PENGARAH TENAGA KERJA

NO : KBR /10103/2024/0017

ANTARA



...PENGADU

DAN

GISB HOLDINGS SDN BHD

...PIHAK KENA TUNTUT

ALASAN PENGHAKIMAN KES MAHKAMAH BURUH TERHADAP GISBH

BERTARIKH 8.9.2024

PEGUAM CARA PENGADU	PEGUAM CARA PIHAK KENA TUNTUT
<p>Tetuan Izaan Azalan & Associates A-08-19, Denai 128 No 17 Persiaran Metafasa Seksyen U16, Denai Alam 40160, Shah Alam Selangor Darul Ehsan Tel : 03-5526 7715 Faks : 03-5526 7601. Email : izaanazalan.associates@gmail.com **Alasan Penghakiman ini ditaip semula oleh Tetuan Izaan Azalan & Associates berdasarkan keputusan yang dibacakan pada 8.9.2023. Alasan Penghakiman daripada Mahkamah Jabatan Tenaga Kerja Kluang masih dalam permohonan.</p>	<p>Tetuan Zulfikri Ariyani Sh.Mahanom & Co. No 15A, Medan Gopeng 1, Jalan Sultan Nazrin Shah, 31350 Ipoh, Perak Darul Ridzuan. Tel:011-6285 7585 Email: zumacolaw@gmail.com</p>

2

Di Dalam kenyataannya dan semasa pemfailan kes dibuat, Pengadu ingin membuat tuntutan daripada bekas majikannya GISB Holdings Sdn Bhd yang beralamat di pejabat 51G, Jalan Desa 9/6, Bandar Country Homes, 48000 Rawang, Selangor

Di dalam kenyataan pemfailannya Pengadu juga turut menyatakan beliau mula bekerja bermula Januari 2014 sebagai setiausaha kerja di lokasi pekerjaannya yang pertama iaitu yang beralamat [REDACTED] Miri, Sarawak. Kemudian beliau telah dipindahkan kepada beberapa lokasi akhir sekali menurutnya beliau telah ditempatkan di Mekanikal Ikhwan Endau Johor.

Semasa memfailkan kes Pengadu mengatakan pembayaran gaji sebanyak RM9,500.00 sebulan, waktu kerjanya adalah dari 8.00 pagi sehingga 5.00 petang tiada cuti mingguan diberikan. Syarat perkhidmatan tiada diberikan. Penyata gaji ada diberikan tetapi tidak lengkap. Menurutny lagi, beliau tidak pernah dibayar gaji oleh pihak GISBH Holdings sejak mula bekerja dari tahun 2014 di premis Miri Sarawak lagi. beliau pernah cuba beberapa kali bertanya kepada pihak majikan berkaitan pembayaran gajinya dan majikan berjanji akan membuat pembayaran penuh bersama dengan gaji-gaji yang tertunggak sebelum ini. Namun tiada sebarang pembayaran sehingga kini.

Oleh yang demikian, Pengadu tidak berpuas hati, oleh itu beliau ingin buat tuntutan sebagaimana jumlah tuntutan secara keseluruhannya berjumlah RM 209,000.00. Perincian tuntutan adalah sebagaimana yang berikut. Bagi gaji tahun januari 2020 sehingga disember 2020 dan bagi

3

januari 2021 dan Oktober 2021 yang keseluruhannya berjumlah RM 209.000.00.

Pada awal sesi perbicaraan adanya pertikalan mengenai perlantikan En. Zulfikri sebagai peguam pihak Defendan. Mahkamah yang mulla merujuk hal tersebut berdasarkan P2 dan P3 Yang dikemukakan hal yang mengatakan En.Zulfikri sebagai Pengurus Defendan 4.5.2021 dan telah meletakkan jawatan pada 3.5.2023. Maklumat mengenai perletakan jawatan tersebut adalah sebagaimana borang 28 akta syarikat 2016 yang dikemukakan di dalam sesi perbicaraan. Oleh hal yang demikian, Mahkamah berpandangan hal ini jelas menunjukkan En.Zulfikri tidak lagi terlibat dalam urusan Defendan serta tidak berlaku sebarang Konflik kepentingan untuk mewakili Defendan di dalam tuntutan yang dibuat oleh Pengadu. Bagi tarikh sebutan kes secara awalnya telah dijalankan pada 8.2.2024 dan 4.3.2024 tiada penyelesaian kes dibicarakan pada 28.4.2024 dan 23.6.2024.

Hujahan kedua-dua pihak telah ditetapkan pada 14.7.2024 dan 28.7.2024. Pihak Pengadu telah diwakili oleh Peguam Tetuan Izaan Azalan & Associates. Manakala, Pihak Defendan diwakili oleh Peguam Cara Zulfikri Ariyani Sh.Mahanom & co. Penilaian dan keputusan sebelum keputusan dibuat Mahkamah perlu memutuskan soalan-soalan yang berikut:

Persoalan pertama: Sama ada Pengadu adalah seorang pekerja sebagaimana Seksyen 2 Akta Kerja 1955 dan Jadual 1, perkara 2 (1) Akta Kerja 1955 dan sama ada Defendan adalah majikan sebagaimana Seksyen 2 Akta Kerja 1955 Jadual Pertama, Seksyen

4

2(1) Akta Kerja 1955 akta 265 diwujudkan oleh Mahkamah Yang Mulia.

Pekerja ertinya:

1. *Mana-mana orang yang telah memasuki suatu kontrak perkhidmatan.*

“majikan” ertinya mana-mana orang yang membuat kontrak perkhidmatan untuk mengambil bekerja mana-mana orang yang membuat kontrak perkhidmatan untuk mengambil bekerja mana-mana orang lain sebagai pekerja dan termasuklah ejen, pengurus atau faktor bagi orang yang disebutkan mula-mula di atas, dan perkataan “mengambil bekerja” dengan perubahan-perubahan gramatisnya dan ungkapan-ungkapan seasalnya hendaklah ditafsirkan dengan sewajarnya;

Selain itu Mahkamah yang Mulia berpendirian teguh merujuk Seksyen 101C (2) Akta Kerja 1955 telah memperutukkan anggapan undang-undang tentang siapakah yang dimaksudkan dengan majikan dan pekerja ketika ketiadaan kontrak bertulis’ sebagaimana berikut :-

(2) bagi subseksyen (1), ia hendaklah dianggap sehingga dibuktikan sebaliknya bahawa seseorang itu adalah seorang majikan-

5

(a) jika dia mengawal atau mengarahkan cara kerja seseorang yang lain;

(b) jika dia mengawal atau mengarahkan waktu kerja seseorang yang lain;

(c) jika dia membekalkan peralatan, bahan atau kelengkapan kepada seseorang yang lain untuk menjalankan kerja;

(d) jika kerja seseorang yang lain merupakan sebahagian penting daripada perniagaannya;

(e) jika seseorang yang lain melakukan kerja semata-mata untuk faedahnya; atau

(f) sama ada atau tidak pembayaran dibuat olehnya sebagai balasan bagi kerja yang dibuat untuknya oleh seseorang yang lain.

(3) Orang yang pertama disebut dalam subseksyen (2) termasuk ejen, pengurus atau faktor orang yang pertama disebut itu.

Mahkamah juga bersetuju bahawa Kontrak Pekerjaan 'Contract Of Service' boleh wujud meskipun secara tidak langsung 'indirect appointment' sebagaimana yang telah diputuskan di dalam kes

6

Mashyur Mutiara Sdn Bhd V. Abdul Samat Ishak & Ors And Another Appeal [2020] 2 ILR 224.

Mahkamah yang mulia mendapati bahawa penafian yang dibuat oleh pihak Defendan adalah semata-mata penafian semata-mata. Hal ini amat jelas dibuktikan semasa prosiding perbicaraan dijalankan contohnya penafian yang dibuat mengatakan bahawa Pengadu adalah bukan pekerja GISBH sebaliknya pekerja dengan rangkaian perniagaan sokongan GISBH seperti Kafe Ikhwan Miri, Ikhwan Resort Pulau Tioman dan mekanikal Ikhwan Endau dan Kafe Ikhwan Mersing. GISBH tidak bertanggungjawab terhadap Pengadu faktor kegagalan Kafe Ikhwan Miri, Ikhwan Resort Pulau Tioman, mekanikal Ikhwan Endau dan Kafe Ikhwan Mersing mengeluarkan surat tawaran kerja. Kepada Pengadu entiti GISBH dengan perniagaan sokongan enterprise tersebut.

Tetapi wakil majikan semasa pemeriksaan Mahkamah terhadap wakil Majikan En. Mohd Khushairi Bin Osman beliau bersaksi bahawa setiap perniagaan sokongan GISBH mereka membayar kepada semua kakitangan gaji yang telah ditetapkan oleh pihak majikan. Namun, yang demikian tiada dikemukakan sebarang bukti pembayaran yang telah dibuat kepada pekerja-pekerja di semua cawangan rangkaian GISBH khususnya kepada Pengadu di dalam kes ini iaitu kepada [REDACTED]

Tambahan pula, di dalam keterangan Pengadu di dalam sesi perbicaraan, beliau telah cuba beberapa kali bertanyakan kepada pihak majikannya berkaitan pembayaran gaji dan majikan berjanji

7

akan membuat bayaran penuh bersama gaji-gaji yang tertunggak sebelum ini. Namun tiada pembayaran yang dibuat sehingga kini. Selain itu, Mahkamah yang mulia turut merujuk Seksyen 2 Akta Kerja 1955 telah memberi tafsiran 'Kontrak Perkhidmatan' sebagaimana berikut :-

"Kontrak perkhidmatan" ertinya mana-mana perjanjian, sama ada lisan atau bertulis dan sama ada nyata atau tersirat, di mana seorang bersetuju untuk mengambil bekerja seorang lain sebagai pekerja dan orang yang lain itu bersetuju untuk berkhidmat dengan majikannya sebagai pekerja dan termasuklah kontrak perantisan;

Disamping itu mahkamah yang mulia, meneliti kes Mashyur Mutiara Sdn Bhd V. Abdul Samat Ishak & Ors And Another Appeal [2020] 2 ILR 224 (supra), dimana Pemilik Bangunan telah melantik pengurus bangunan bagi menjalankan perniagaan berkaitan perhotelan. Perniagaan tidak dapat bertahan dan hotel terpaksa ditutup. Pekerja-pekerja yang bekerja di syarikat tersebut telah membuat aduan terhadap syarikat pemilik bangunan dan menuntut gaji serta faedah yang pekerja-pekerja berhak. Antara isu yang timbul di dalam rayuan kes tersebut sama ada Mahkamah Buruh telah membuat keputusan yang tepat berhubung dengan status Pemilik bangunan sama ada Majikan kepada Pekerja-Pekerja atau tidak. Pemilik bangunan menyatakan bahawa Pekerja-Pekerja telah menyaman pihak-pihak yang salah yang mana sepatunya

pengurus bangunan yang mengambil pekerja-pekerja bekerja yang patut dinamakan sebagai majikan.

Dalam kes ini Mahkamah memutuskan bahawa kontrak perkhidmatan boleh wujud secara tidak langsung dimana liabiliti yang pekerja yang diambil oleh Pengurus bangunan hendaklah ditanggung oleh pemilik bangunan kerana hubungan Pemilik Bangunan dan Pengurusan bangunan adalah Agen dan Prinsipal. Oleh itu, Pemilik bangunan sebagai prinsipal hendaklah dianggap sebagai majikan kepada Pekerja-pekerja dan keputusan Mahkamah Buruh adalah bertepatan dengan tafsiran seksyen 2 Akta Kerja 1955.

Jelas juga, di dalam kes ini Mahkamah mendapati Pengadu adalah pekerja kepada perniagaan pekerja bersama milik Defendan dan pekerja bersama perniagaan-perniagaan enterprise mempunyai hubungan principal dan agen.

Mahkamah yang mulia beranggapan meskipun tiada kontrak perkhidmatan yang jelas dikemukakan kerana keberadaan dalam sempadan pihak Defendan dan perniagaan-perniagaan enterprise yang ada kemungkinan tidak ditunjukkan semasa sesi perbicaraan berlangsung. Mahkamah merujuk kepada kes *Colgate Palmolive (M) Sdn Bhd v. Cheong Foo Weng* yang mana terdapat lebih daripada satu ujian yang cuba buktikan hubungan pekerja ini wujud. Di dalam kes ini ujian awalan tersebut telah dibuktikan oleh Pengadu dari segi masa dan cara kerja serta faedah pekerjaan Pengadu adalah kepada Defendan serta keseluruhan perniagaan

usahasamanya. Justeru itu mahkamah ini memutuskan bahawa wujudnya hubungan pekerja majikan dengan Defendan secara tersirat dan tersurat.

Bagi kes yang dirujuk oleh pihak Defendan iaitu di dalam kes **J MATHEW MIRANDA v. BAHTERA GLOKAL SDN BHD [2018] 1 MELR**, tiada satu kontrak perkhidmatan bertulis dikemukakan oleh Pengadu di dalam kes tersebut semuanya adalah lisan semata-mata. Akan tetapi dalam kes ini terdapat surat tawaran tambahan bertarikh 20.12.2020 yang telah diterima oleh Pengadu pada hemah Mahkamah yang mulia, Surat Tawaran Asal tidak diserahkan kemungkinan tiada dengannya.

Selain itu didalam kes tersebut Mahkamah telah membuat dapatan. Merujuk kepada kes **Hoh Kiang Ngan v. Mahkamah Perusahaan Malaysia & Anor [1996] 4 CLJ 687; [1995] 3 MLJ 369** iaitu tahan kawalan majikan terhadap pekerja. Bahawa jika tiada kontrak perkhidmatan secara bertulis mahkamah perlu melihat elemen hak kawalan majikan terhadap pekerja iaitu *degree of control*. Dan ini adalah elemen terpenting di dalam menentukan sesuatu kontrak tersebut. Mahkamah berpandangan Pengadu telah memenuhi syarat sebagai pekerja kepada Pihak Defendan. Dengan mematuhi terma-terma yang terkandung didalam surat tambahan iaitu pada 20.12.2020 tersebut Pengadu hendaklah dianggap sebagai pekerja sebagaimana tafsiran (2) Akta kerja 1955. Kepada Pihak Defendan dan rangkaian perniagaan bersama GISBH. Dan setiap dua branch tersebut menunjukkan bahawa pihak Defendan

bersama-sama rangkaian perniagaannya mempunyai kawalan yang penuh terhadap Pengadu.

Prinsip Kes Colgate Palmolive (M) Sdn Bhd v. Cheong Foo Weng & 12 Ors (and Another Appeal) [2001] 1 LNS 394; [2002] 2 AMR 2107, Ekajaya (M) Sdn Bhd V. Ahmad Mahad & Ors High Court Malaya, Ipoh [2014] 3 ILR 457 dan Mashyur Mutiara Sdn Bhd V. Abdul Samat Ishak & Ors And Another Appeal [2020] 2 ILR 224 (supra) juga adalah terpakai pada Pengadu, GISBH dan Perniagaan-Perniagaan rangkaian Bersama Defendan.

Hal ini dapat dikuatkan lagi dengan dapatan daripada keterangan ketiga-tiga saksi Pengadu yang membuat pengakuan bahawa Pengadu merupakan seorang pekerja kepada pihak Defendan di dalam kes ini. Saksi yang dimaksudkan adalah [REDACTED] iaitu yang merupakan isteri kedua Pengadu, [REDACTED] iaitu saksi kedua dan [REDACTED] iaitu saksi ketiga. Ketiga-tiga mereka ini adalah merupakan bekas pekerja pihak Defendan dan rangkaian-rangkaian yang berada bersama Defendan secara keseluruhan.

Oleh hal yang demikian Mahkamah yang mulia ini di atas timbangan kebarangkalian berpuas hati dan mendapati bahawa Pengadu adalah pekerja dan Defendan adalah majikan sebagaimana peruntukan Akta Kerja 1955

Persoalan kedua: Adakah Pengadu layak untuk menuntut jumlah keseluruhan bagi tahun 2020 dan bagi gaji tahun 2021 yang keseluruhannya berjumlah RM 209,000.00.

Bagi penentuan baki gaji tahun 2020 iaitu Januari 2020 sehingga Disember 2020. Bagi tahun 2021 dari Januari hingga Oktober dan perkara yang perlu dipertimbangkan adalah dari aspek kehadiran hari-hari bekerja untuk pekerja ini. Pada dijalankan kuasa yang diberikan oleh Seksyen 23 Akta Majlis Perundingan Gaji Negara tahun 2011 iaitu akta 372. Menteri telah membuat perintah yang mana berikut, perintah ini boleh dinamakan perintah gaji minimum 2020. Paras gaji minima di kawasan selain di kawasan majlis bandaraya atau majlis perbandaran adalah kerja dibayar bagi seorang pekerja yang bekerja bagi satu tempat kerja dalam mana-mana kawasan selain kawasan majlis bandaraya atau majlis perbandaran sebagaimana yang dinyatakan di dalam jadual secara bulanan sebanyak RM1,100.00. Oleh hal yang demikian Mahkamah yang mulia ini berpuas hati diatas timbangan kebarangkalian membuat perincian kelayakan jumlah bayaran kepada Pengadu adalah sebagaimana dibawah:-

Bil	Tahun	Bulan	Lokasi	Jumlah (RM)
1.	2020	1	Tiada maklumat lokasi	Tiada
2.	2020	2	Endau/Mersing/ Pulau Tioman	1,100.00
3.	2020	3	Endau/Mersing/ Pulau Tioman	1,100.00
4.	2020	4	Endau/Mersing/ Pulau Tioman	1,100.00
5.	2020	5	Endau/Mersing/ Pulau Tioman	1,100.00
6.	2020	6	Endau/Mersing/ Pulau Tioman	1,100.00

12

7.	2020	7	Endau/Mersing/ Pulau Tioman	1,100.00
8.	2020	8	Endau/Mersing/ Pulau Tioman	1,100.00
9.	2020	9	Endau/Mersing/ Pulau Tioman	1,100.00
10.	2020	10	Endau/Mersing/ Pulau Tioman	1,100.00
11.	2020	11	Endau/Mersing/ Pulau Tioman	1,100.00
12.	2020	12	Endau/Mersing/ Pulau Tioman	1,100.00
Jumlah Keseluruhan Tahun 2020				12,100.00

Bil	Tahun	Bulan	Lokasi	Jumlah
1	2021	1	Endau/Mersing/ Pulau Tioman	1,100.00
2	2021	2	Endau/Mersing/ Pulau Tioman	1,100.00
3	2021	3	Endau/Mersing/ Pulau Tioman	1,100.00
4	2021	4	Endau/Mersing/ Pulau Tioman	1,100.00
5	2021	5	Endau/Mersing/ Pulau Tioman	1,100.00
6	2021	6	Endau/Mersing/ Pulau Tioman	1,100.00
7	2021	7	Endau/Mersing/ Pulau Tioman	1,100.00
8	2021	8	Endau/Mersing/ Pulau Tioman	1,100.00
9	2021	9	Endau/Mersing/ Pulau Tioman	1,100.00
10	2021	10	Endau/Mersing/ Pulau Tioman	1,100.00
Jumlah keseluruhan bagi Tahun 2021				11,000.00

Maka jumlah keseluruhannya adalah berjumlah RM 23,100.00. Bagi jumlah Januari 2024 tidak dapat dipastikan lokasi sebenar pekerja bekerja. Beserta tarikh-tarikh yang tepat. Manakala bagi jumlah bagi gaji minima, bagi Pulau Tioman, Endau dan Mersing masih di bawah pentadbiran Majlis daerah yang mana wajar menerima RM1,100.00

sebulan. Hal ini juga telah dirujuk oleh pihak Mahkamah yang mulia berdasarkan bukti-bukti secara bergambar yang nyata mahupun tidak sebagaimana ekshibit-ekshibit yang telah dinyatakan.

Mahkamah yang mulia berpandangan adalah tidak wajar sekiranya walaupun sekadar gaji minima tidak dibayar kepada seseorang pekerja sebagaimana yang diperuntukkan. Hal ini bertepatan dengan pemeriksaan mahkamah terhadap Pengadu sepanjang tahun 2020 sehingga tahun 2021 awak tahu tentang gaji minima yang kerajaan peruntukkan terhadap pekerja swasta? Jawapannya tidak tahu. Mahkamah juga mendapati adanya *indikator* serta elemen buruh paksa di dalam pentadbiran pihak majikan ini. Setelah diteliti antara elemen tersebut adalah dari segi aspek tidak diberi gaji atau dengan kata lain setiap pekerja tidak mendapat bayaran atau faedah mengikut undang-undang perburuhan iaitu Akta Kerja 1955.

Mahkamah yang mulia turut merujuk kepada seksyen 90b Akta Kerja 1955 serta berdasarkan kepada laporan konvensyen buruh paksa 1930 daripada International Labour Organization. Adalah diingatkan secara umum mengenai seksyen 90b Akta Kerja 1955 yang mana meletakkan rentan buruh paksa sebagai ugutan, penipuan atau paksaan oleh majikan terhadap pekerja. Untuk menjalankan kerja-kerja dan menghalang pekerja dari meninggalkan tempat kerja berkenaan. Undang-undang ini menetapkan denda tidak lebih RM100,000.00 atau penjara tidak lebih dua tahun atau kedua-duanya jika disabitkan kesalahan.

Bagi tuntutan baki gaji semasa di Miri Sarawak, Pengadu perlulah memfailkan tuntutan tersebut di Pejabat Tenaga Kerja Miri Sarawak, kerana sewaktu kerja disana Akta Kerja 1955 tidak terpakai kepadanya. Ordinan Buruh Sarawak yang melindunginya. Mahkamah Polis Semenanjung Malaysia tidak boleh melangkaui bidang tugas atau skop perlindungan akta selainnya. Pada khidmat Mahkamah yang Mulia pekerja berkecualan menuntut kerja lebih masa mengikut jenis hari-harinya jika Pengadu atau pekerja mempunyai bukti yang kukuh mengenai arahan majikan untuk bekerja lebih dari jumlah perhitungan masa normal bekerja seseorang. Hal ini bertepatan dengan pemeriksaan mahkamah terhadap Pengadu. Soalan mahkamah, masa kerja kamu? Jawabannya adalah jam 6.00 pagi hingga 11.00 atau 12.00 malam.

Mengenai surat kebenaran pergerakan staf bertarikh 23.7.2021, 21.9.2021, dan 27.7.2021 Defendan menyatakan ianya tidak boleh dianggap satu pengesahan bahawa Pengadu adalah pekerja Defendan. Surat tersebut dibuat hanyalah semata-mata untuk mendapat kelulusan pergerakan dari Polis Diraja Malaysia. Semasa berlaku sekatan perjalanan akibat covid-19 pada tahun 2020. Defendan juga menegaskan surat tersebut juga adalah palsu apabila menggunakan nombor Kafe Ikhwan Mersing. Tetapi terdapat kesilapan pada nombor pendaftaran perniagaannya kerana menggunakan nombor pendaftaran Perniagaan Defendan.

Begitu juga nama syarikat pada bahagian tandatangan adalah diragui kerana menggunakan nama GISBH Holding Sdn. Bhd. sedangkan ianya adalah bukan nama sebenar Defendan iaitu GISB Holdings sdn.bhd.

Selain itu penafian yang dibuat oleh pihak defendan mengenai slip gaji yang mempunyai logo syarikat serta membuat bayaran gaji bulan April, Mei dan Jun 2019 kepada Pengadu pihak Defendan menafikan slip gaji tersebut adalah palsu dan Defendan tidak pernah menggunakan logo tersebut dengan nama yang tertera GISBH Sdn. bhd.

Dalam hal ini mahkamah yang mulia berasa amat musykil dan ragu mengapa pihak majikan tidak membuat laporan polis sedari awal penerimaan beban pembuktian ini bagi memastikan kebenaran serta ketegasan dalam menegakkan kebenaran bagi pihaknya.

Oleh hal yang demikian berdasarkan keseluruhan keterangan yang dikemukakan ekshibit-ekshibit yang diserahkan kepada Pihak Mahkamah yang mulia ini di dalam sesi perbicaraan ini dan setelah meneliti perbicaraan bagi kedua-dua pihak serta membuat pengiraan semula keatas pengiraan upah Pengadu.

Mahkamah dengan ini berpuas hati diatas timbangan kebarangkalian, maka saya dengan ini PERINTAH, saya Khalisah Binti Mohamed Zawi Penolong Pengarah Tenaga Kerja dengan ini PERINTAH, GISB Holdings Sdn. Bhd. membayar sebahagian daripada tuntutan yang dibenarkan kepada [REDACTED] baki gaji dengan jumlah RM23,100.00 bagi tuntutan kes buruh dalam KBR /10103/2024/0017.

Jika mana-mana orang yang berkepentingannya terlibat tidak berpuas hati dengan keputusan atau perintah ini. Orang tersebut hendaklah merayu kepada Mahkamah Tinggi dalam tempoh 14 hari daripada tarikh perintah ini dikeluarkan.